



Cuci tangan asas kebersihan diri

PARA pelajar Sekolah Rendah Chong-zheng telah diajar cara asas membasuh tangan dengan betul semalam.

Ekoran penularan flu babi, langkah itu diharapkan dapat mencegah penularan kuman dan melindungi mereka daripada jangkitan seperti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran para pelajar muda ini terhadap amalan menjaga kebersihan.

Kempen kebersihan tangan itu dianjurkan oleh syarikat Dettol dengan kerjasama Lembaga Penggalak Kesihatan (HPB).

Mencuci tangan dengan sabun merupakan amalan yang paling mudah dan tidak memerlukan belanja tinggi untuk menjaga kebersihan diri.

Sepanjang April hingga Julai ini, sebanyak 25 sekolah rendah dijangka mengambil bahagian dalam siri kempen kebersihan ini.